

'Orang kampung' jadi pemimpin universiti

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

▸ Serdang

Pembabitannya dalam aktiviti kesukarelawan ketika mengikuti pengajian asasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi titik tolak bagi Ahmad Fahmi Yusoff, 22, untuk menggilap bakat kepemimpinan.

Beliau mula berjinjak-jinak dalam bidang itu dengan menjadi fasilitator dalam program anjuran bahagian kaunseling serta komunikasi korporat termasuk mengendalikan kem bina semangat serta penganjuran acara.

Pendedahan itu menyedarkannya mengenai kecenderungan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan selain bakat semula jadi dalam aktiviti kebudayaan.

Rentetan pengalaman membawa kepada kebijaksanaan dan kematangan pelajar Bachelor Sains (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan) itu hingga kini diberi mandat lebih besar sebagai Timbalan Naib Yang Dipertua Media & Perhubungan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) Sesi 2013/2014.

"Saya memasuki UPM sebagai 'orang kampung' serta tiada sebarang bakat dan pengalaman berbanding kebanyakan rakan yang aktif dalam pelbagai kegiatan kokurikulum sejak peringkat sekolah.

"Enggan terus diselubungi rasa rendah diri, saya memberanikan diri menyertai pelbagai aktiviti bagi meneroka potensi diri hingga menyedari bahawa saya suka berurusan dengan orang ramai serta mengendalikan program," katanya yang berasal dari Bachok, Kelantan.

Personaliti disenangi

Dikenali ramai kerana aktif dalam penganjuran program universiti serta memiliki personaliti yang mudah disenangi antara faktor beliau mudah memenangi proses pemilihan MPP 2013/2014 ketika bertanding sebagai wakil kerusi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

PROFIL

- ▶ **Nama:** Ahmad Fahmi Yusoff
- ▶ **Umur:** 22 tahun
- ▶ **Asal:** Bachok, Kelantan
- ▶ **Pengajian:** Bachelor Sains (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan) - UPM Asasi Sains Pertanian - UPM
- ▶ **Pembabitannya dalam aktiviti kokurikulum:**
 - ▶ Timbalan Naib Yang Dipertua Media & Perhubungan MPP UPM Sesi 2013/2014
 - ▶ Exco Kebajikan Persatuan Asasi Sains Pertanian UPM (2011)
 - ▶ Timbalan Pengerusi Kelab Rakan Siswa (2012)
 - ▶ Setiausaha Agung Penggiat Seni Putra (2012)
 - ▶ Pengarah Festival Koir Interkolej (2013)
 - ▶ Eksekutif Protokol Malam Tunas Budaya (2012 & 2013)

Inisiatif awal Ahmad Fahmi bagi melaksanakan amanah bagi portfolio Media & Perhubungan adalah dengan mewujudkan medium interaksi dengan pelajar UPM menerusi laman Facebook dan Twitter MPPUPM bagi memudahkan perkongsian maklumat semasa dan perkongsian aktiviti pelajar.

"Saluran media sosial MPPUPM yang setakat ini berjaya menarik lebih 5,000 pengemang boleh dimanfaatkan untuk menarik penyertaan warga kampus dalam program dianjurkan termasuk anjuran universiti lain.

"Ia bagi membantu MPP memastikan keteliruan atau salah faham fakta sesuatu isu dapat dijelaskan pada kadar segera bagi mengelak situasi menjadi bertambah buruk serta mencegah pihak bertanggungjawab menyebarkan maklumat palsu," katanya.

Sifat semula jadi suka membantu dan berinteraksi dengan orang ramai juga mendorong Ahmad Fahmi menukar pengajian Sains Pertanian yang diikuti atas permintaan keluarga kepada jurusan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan.

Baginya, jurusan itu unik kerana membolehkan beliau menjalankan peranan umpama doktor dan jurutera dalam membantu orang ramai lebih peka terhadap pergerakan fizikal serta peralatan yang sesuai bagi mengelak kemalangan atau kecederaan di tempat kerja.